



JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH NEGERI SEMBILAN

# PELAN STRATEGIK

JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH  
NEGERI SEMBILAN (JPNS)

# 2023-2027



# ISI

## KANDUNGAN

1

Kata Alu-Aluan

2

Latar Belakang

3

Carta Organisasi

4

Fungsi Umum

5

Punca Kuasa

7

Pihak Berkepentingan, Rakan Strategik dan Pelanggan

8

Visi, Misi dan Slogan

9

Nilai Bersama

10

Teras Strategik

21

Mekanisme Pelaksanaan

22

Elemen Penentu Kejayaan

23

Rumusan

24

Jawatankuasa Pembangunan Pelan Strategik





## KATA ALU-ALUAN

*Selembar Kasih, Setulus Kata*

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T atas limpah kurniaNya, Pelan Strategik Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Sembilan (JPeNS) bagi tahun 2023-2027 dapat diterbitkan. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat atas usaha yang gigih dalam menyediakan dan menghasilkan Pelan Strategik ini.

Pelan Strategik ini dirangka bagi perancangan jangka panjang untuk tempoh lima tahun akan datang dalam mencapai Visi Jabatan iaitu Menjadi Agensi Berwibawa Dalam Memperkasakan Pendakwaan Syariah. Pelan ini harus dihayati dan dilaksanakan dengan iltizam yang bersungguh-sungguh di kalangan semua warga JPeNS bagi memastikan matlamat kejayaan terus tercapai.

Saya berharap Pelan Strategik ini akan menjadi suatu dokumen yang penting sebagai panduan kepada semua warga JPeNS dalam melaksanakan tugas serta tanggungjawab yang lebih fokus dan terancang dalam memberi kepuasan kepada pelanggan.

Akhir kata, semoga segala hasrat dan perancangan kerja yang lebih berfokus dan bersistematis akan menjadi kayu pengukur kecemerlangan JPeNS dan memberi manfaat kepada semua.

Sekian, terima kasih.

**RAJA MAZELAN BIN RAJA DERAMAN**  
Ketua Pendakwa Syarie  
Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Sembilan

# LATAR BELAKANG JABATAN

## Sejarah Penubuhan JPENS

1

Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Sembilan (JPeNS) dahulunya merupakan Bahagian Pendakwaan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS). Pengasingan dan pengiktirafan sebagai sebuah Jabatan baru di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan ini berdasarkan keputusan:

- i. Mesyuarat Jemaah Menteri yang bersidang pada 20 Mac 2015
- ii. Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) kali ke 56 pada 16 Januari 2016.
- iii. Mesyuarat Majlis Agama Islam (MAINS) kali ke 225.
- iv. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) pada 7 Disember 2016.

2

Pengasingan dan pengiktirafan ini juga dilaksanakan selepas mendapat perkenan ke bawah D.Y.M.M Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Y.T.M Undang Yang Empat dan Y.T.M Tunku Besar Tampin.

3

Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Sembilan (JPeNS) ditubuhkan secara rasminya pada 1 Januari 2018 dengan dibekalkan kod PTJ sendiri dan diketuai oleh Ketua Pendakwa Syarie.

4

Terdapat empat (4) Bahagian di Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Sembilan (JPeNS) bagi memantapkan perjalanan operasinya iaitu:

- i. Bahagian Perundangan, Perbicaraan dan Rayuan (BPPR)
- ii. Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)
- iii. Bahagian Pendaftaran, Rekod dan Dokumentasi (BPRD)
- iv. Bahagian Penyelidikan Perundangan (BPP)

# CARTA ORGANISASI

1

## KETUA PENDAKWA SYARIE

JAWATAN/GRED	BIL
PEGAWAI SYARIAH LS52	1
<b>JUMLAH</b>	<b>1</b>

2

## BAHAGIAN PERUNDANGAN, PERBICARAAN DAN RAYUAN

JAWATAN/GRED	BIL
PEGAWAI SYARIAH LS44	1
PEGAWAI SYARIAH LS41 / LS44	4
PENOLONG PEGAWAI SYARIAH LS29 / LS32 / LS38	5
PEMBANTU SYARIAH LS19 / LS22 / LS26	4
<b>JUMLAH</b>	<b>14</b>

3

## BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

JAWATAN/GRED	BIL
PEMBANTU TADBIR (P/O) N22 / N26	1
PEMBANTU TADBIR (P/O) N19 / N22	2
PEMBANTU OPERASI N11 / N14 / N16	1
<b>JUMLAH</b>	<b>4</b>

4

## BAHAGIAN PENDAFTARAN, REKOD DAN DOKUMENTASI

JAWATAN/GRED	BIL
PENOLONG PEGAWAI SYARIAH LS32 / LS38	1
PENOLONG PEGAWAI SYARIAH LS29 / LS32 / LS38	1
PEMBANTU SYARIAH LS22 / LS26	1
PEMBANTU SYARIAH LS19 / LS22 / LS26	4
PENGHANTAR NOTIS N11 / N14 / N16	3
<b>JUMLAH</b>	<b>10</b>

5

## BAHAGIAN PENYELIDIKAN PERUNDANGAN

JAWATAN/GRED	BIL
PEGAWAI SYARIAH LS44	1
PEGAWAI SYARIAH LS41 / LS44	2
PENOLONG PEGAWAI SYARIAH LS29 / LS32 / LS38	2
PEMBANTU SYARIAH LS19 / LS22 / LS26	2
<b>JUMLAH</b>	<b>7</b>

# FUNGSI UMUM

## BAHAGIAN

### PERUNDANGAN, PERBICARAAN DAN RAYUAN (BPPR)

Mengendalikan pendakwaan, memberikan nasihat serta arahan pendakwaan dan menjalankan perbicaraan dan rayuan kes-kes jenayah di Mahkamah Syariah.

## BAHAGIAN

### PENDAFTARAN, REKOD DAN DOKUMENTASI (BPRD)

Mengurus, merekod dan menyelaras fail-fail perundangan dan pentadbiran serta mengawal selia dokumentasi Jabatan.

## BAHAGIAN

### PENYELIDIKAN PERUNDANGAN (BPP)

Melaksanakan penyelidikan undang-undang yang komprehensif dan bersistematik bagi menghasilkan kajian dan pandangan undang-undang yang tepat serta menguruskan pusat sumber.

## BAHAGIAN

### KHIDMAT PENGURUSAN (BKP)

Memberikan perkhidmatan pengurusan bagi pembangunan sumber manusia, kewangan, teknologi maklumat dan pentadbiran.

## *Punca Kuasa Undang-Undang*

Pelantikan Ketua Pendakwa Syarie dan Pendakwa Syarie serta Timbalan Pendakwa Syarie adalah diperuntukkan di bawah **Seksyen 78 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003.**

- “(1) Yang di-Pertuan Besar, atas nasihat Majlis, boleh melantik seorang yang layak menjadi Hakim Mahkamah Tinggi Syariah untuk menjadi Ketua Pendakwa Syarie.
- (2) Ketua Pendakwa Syarie hendaklah mempunyai kuasa yang boleh dijalankan menurut budi bicaranya bagi memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan di hadapan Mahkamah Syariah.
- (3) Majlis, atas syor Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan, boleh melantik orang yang layak dan sesuai daripada kalangan anggota perkhidmatan awam am Persekutuan atau perkhidmatan bersama menjadi Pendakwa-Pendakwa Syarie atau Timbalan-Timbalan Pendakwa Syarie.
- (4) Pendakwa-Pendakwa Syarie hendaklah bertindak dibawah kawalan dan arahan am Ketua Pendakwa Syarie dan boleh menjalankan semua atau mana-mana hak dan kuasa yang terletak hak pada atau yang boleh dijalankan oleh Ketua Pendakwa Syarie, kecuali hak dan kuasa yang dinyatakan hendaklah dijalankan oleh Ketua Pendakwa Syarie sendiri”.

Kuasa Ketua Pendakwa Syarie diperuntukkan juga di bawah **Seksyen 185 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Sembilan 2003.**

- “Ketua Pendakwa Syarie hendaklah mempunyai kawalan dan arahan ke atas segala pendakwaan dan prosiding jenayah di bawah Enakmen ini.”



## *Senarai Undang-Undang*

- i. Perlembagaan Persekutuan
- ii. Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965
- iii. Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Negeri Sembilan) 2003 (En 10/03)
- iv. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 (En 11/03)
- v. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 (En 12/03)
- vi. Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 (En 13/03)
- vii. Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan (Negeri Sembilan) 1992 (En 4/92)
- viii. Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

# PIHAK BERKEPENTINGAN, RAKAN STRATEGIK DAN PELANGGAN



# VISI MISI & SLOGAN

## MISI

Melaksanakan Pendakwaan Syariah Di Negeri Sembilan Berlandaskan Undang-Undang Dan Hukum Syarak Dengan Adil, Berkualiti Dan Berintegriti Melalui Pemantapan Tadbir Urus Organisasi

02

01

03


## VISI

Menjadi Agensi Berwibawa Dalam Memperkasakan Pendakwaan Syariah

## SLOGAN

BERWIBAWA  
INTEGRITI  
TEPAT  
(BIT)

# NILAI BERSAMA



# TERAS STRATEGIK

## • TERAS 1

MELAKSANAKAN PENDAKWAAN SYARIAH YANG ADIL, BERKUALITI DAN BERINTEGRITI SELARAS DENGAN UNDANG-UNDANG DAN HUKUM SYARAK

## • TERAS 2

MEMPERKUKUHKAN PENYELIDIKAN PERUNDANGAN BAGI MENINGKATKAN KEBERKESANAN PENTADBIRAN KEADILAN JENAYAH SYARIAH

## • TERAS 3

MEMPERKASAKAN TADBIR URUS ORGANISASI UNTUK MENJAMIN PENCAPAIAN PERKHIDMATAN YANG CEMERLANG



MELAKSANAKAN PENDAKWAAN SYARIAH  
YANG ADIL, BERKUALITI DAN BERINTEGRITI  
SELARAS DENGAN UNDANG-UNDANG DAN  
HUKUM SYARAK

## TERAS STRATEGIK 1

**2** STRATEGI

**4** PROGRAM

**1**

MEMPERKUKUHKAN  
PELAKSANAAN UNDANG-  
UNDANG JENAYAH SYARIAH

MEMASTIKAN PENGURUSAN  
PENDAKWAAN YANG CEKAP

**2**



MELAKSANAKAN PENDAKWAAN SYARIAH  
YANG ADIL, BERKUALITI DAN BERINTEGRITI  
SELARAS DENGAN UNDANG-UNDANG DAN  
HUKUM SYARAK

## TERAS STRATEGIK 1

STRATEGI 1		MEMPERKUKUHKAN PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG JENAYAH SYARIAH			
BIL	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
1.	Sesi perkongsian ilmu	Bilangan program	2 kali setahun	2023 – 2027	BPPR
		Peratus penyertaan pendakwa syarie	100%	2023 – 2027	BPPR
2.	Manual pendakwaan	Bilangan manual	1 manual	2023 - 2024	BPPR

## STRATEGI 2

### MEMASTIKAN PENGURUSAN PENDAKWAAN YANG CEKAP

BIL	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
1.	Jenayah registri	Peratus pendaftaran kes di mahkamah dalam tahun semasa	80% (Jumlah IP yang didaftarkan)	2023 – 2027	BPPR / BPRD
2.	Case backlog reduction plan (CBRP)	Peratus kes tertunggak yang melebihi 3 tahun	< 10%	2023 - 2027	BPPR



MEMPERKUKUHKAN PENYELIDIKAN  
PERUNDANGAN BAGI MENINGKATKAN  
KEBERKESANAN PENTADBIRAN KEADILAN  
JENAYAH SYARIAH

## TERAS STRATEGIK 2

2 STRATEGI

5 PROGRAM

1

PENGHASILAN PENYELIDIKAN  
BERKUALITI BERKAITAN  
JENAYAH SYARIAH

2

MENGURUSKAN MAKLUMAT  
ATAU KAJIAN PENYELIDIKAN  
SECARA SISTEMATIK MELALUI  
INISIATIF PENDIGITALAN

MEMPERKUKUHKAN PENYELIDIKAN  
PERUNDANGAN BAGI MENINGKATKAN  
KEBERKESANAN PENTADBIRAN KEADILAN  
JENAYAH SYARIAH

## TERAS STRATEGIK 2

STRATEGI 1		PENGHASILAN PENYELIDIKAN BERKUALITI BERKAITAN JENAYAH SYARIAH			
BIL	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
1.	Kompilasi kes-kes terpilih	Bilangan kompilasi	1 kompilasi setahun	2023 – 2027	BPP / BPPR
2.	Kajian perundangan	Bilangan kajian	1 kali setahun	2023 – 2027	BPP
3.	Pengumpulan artikel koleksi pusat sumber	Bilangan kompilasi	2 kompilasi setahun	2023 - 2027	BPP



**MENGURUSKAN MAKLUMAT ATAU KAJIAN PENYELIDIKAN SECARA SISTEMATIK MELALUI INISIATIF PENDIGITALAN**

STRATEGI 2		MENGURUSKAN MAKLUMAT ATAU KAJIAN PENYELIDIKAN SECARA SISTEMATIK MELALUI INISIATIF PENDIGITALAN			
BIL	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
1.	Smart Sumber: (a) Pengkatalogan Buku Jurnal	Bilangan katalog	100 Buah buku Setahun	2023 – 2027	BPP
	(b) Penyediaan Garis Panduan Pengurusan Maklumat Pusat Sumber	Bilangan garis panduan	1 Garis panduan	2023 – 2024	BPP
2.	Pendigitalan kajian penyelidikan	Bilangan kajian penyelidikan	2 Kajian setahun	2023 - 2027	BPP

MEMPERKASAKAN TADBIR URUS  
ORGANISASI UNTUK MENJAMIN PENCAPAIAN  
PERKHIDMATAN YANG CEMERLANG

## TERAS STRATEGIK 3





MEMPERKASAKAN TADBIR URUS  
ORGANISASI UNTUK MENJAMIN  
PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG  
CEMERLANG

## TERAS STRATEGIK 3

STRATEGI 1		PENGUKUHAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA			
BIL	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
1.	Pengukuhan Perjawatan:  (a) Program Penstrukturran Semula Organisasi	Bilangan program	1 program	2023	BKP
	(b) Kertas Cadangan Pengukuhan Perjawatan	Bilangan Kertas kerja	1 kertas kerja	2023	BKP

	Pembangunan Modal Insan				
2.	Pembangunan Modal Insan (a) PROGRAM / LATIHAN PENDAKWAAN <ul style="list-style-type: none"> <li>▶ Kemahiran Seni Pendakwaan</li> <li>▶ Pengurusan Kes</li> <li>▶ Penghujahan Berkualiti</li> <li>▶ Pengendalian Barang Kes</li> <li>▶ Bacaan Undang-undang</li> <li>▶ Latihan Sangkutan</li> </ul>	Peratus penyertaan Pendakwa Syarie	90%	2023 - 2027	BKP
	(b) PROGRAM / LATIHAN TADBIR URUS <ul style="list-style-type: none"> <li>▶ Kewangan</li> <li>▶ Ict</li> <li>▶ Pengurusan Aset dan Stor</li> <li>▶ Keselamatan</li> <li>▶ Pengurusan Fail</li> <li>▶ Kepimpinan</li> </ul>	Peratus penyertaan pegawai dan kakitangan sokongan Jabatan	90%	2023 - 2027	BKP
	(c) PROGRAM / LATIHAN PENYELIDIKAN <ul style="list-style-type: none"> <li>▶ Penulisan dan Penyelidikan</li> <li>▶ Penggunaan Bahasa Melayu Dalam Perundungan</li> </ul>	Peratus penyertaan pegawai dan kakitangan sokongan Jabatan	90%	2023 - 2027	BKP



... .

STRATEGI 2		PEMERKASAAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT			
BIL	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNG JAWAB
1.	Pembangunan laman sesawang	Peratus tempoh siap	100%	2023	BKP
2.	Pemantapan keupayaan kompetensi personel	Bilangan kursus dihadiri	4	2023 - 2024	BKP

# MEKANISME PELAKSANAAN

## Pelaksanaan

1

Melaksanakan kesedaran pengurusan strategik secara berkara melalui pemberitahuan di emel, laman sesawang Jabatan dan pelaporan dalam Mesyuarat Pengurusan Tertinggi.

2

Memastikan setiap Bahagian menggunakan Sasaran Kerja Utama (SKU) Bahagian sejajar dengan Pelan Strategik Jabatan sebagai panduan pelaksanaan program.

3

Membangunkan pelan operasi atau jadual pelaksanaan yang terperinci terhadap setiap strategi dan program.

## Pemantauan Dan Pengukuran Prestasi

### JAWATANKUASA PENGURUSAN STRATEGIK



Ketua Pendakwa Syarie

**PENCERUSI**



Ketua Penolong Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan

**SETIAUSAHA**



Semua Pegawai

**AHLI JAWATANKUASA**



Penolong Pegawai Tadbir

**URUS SETIA**



Ketua Pembantu Tadbir

**URUS SETIA**

**6 BULAN**

PEMANTAUAN  
PELAN  
PERANCANGAN  
STRATEGIK

**SETIAP TAHUN**

PENILAIAN  
PENCAPAIAN

**SETIAP 2 TAHUN**

PENILAIAN  
KEBERKESANAN  
DAN KAJIAN  
SEMULA PELEN  
STRATEGIK

# ELEMEN PENENTU KEJAYAAN






## RUMUSAN

Pelan Strategik Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Sembilan (JPeNS) 2023-2027 merupakan satu garis panduan tumpuan teras dan sasaran inisiatif strategik ke arah mencapai visi dan misi Jabatan. Ini sejajar dengan perkembangan perundangan jenayah Syariah yang semakin mencabar. JPeNS akan sama-sama menggembeleng tenaga warga kerjanya dalam melaksanakan 3 teras strategik yang telah digariskan di dalam pelan ini. Pelbagai program dan aktiviti telah dirancang secara bersepadu agar selari dengan aspirasi Jabatan untuk menjadi agensi pendakwaan yang berwibawa pada tahun 2027. Pelan ini diharapkan dapat meningkatkan budaya kerja yang tegas, efisien dan berintegriti. JPeNS merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua yang telah sama-sama membantu dalam membangunkan Pelan Strategik JPeNS 2023-2027.

# SENARAI JAWATANKUASA

## PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK





► **BENGKEL PELAN STRATEGIK  
JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH SELURUH MALAYSIA**

11 – 13 MEI 2022  
AVILLION ADMIRAL COVE PORT DICKSON



